

**ARAHAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BIL. 2/1976**

---

**PERMOHONAN UKUR MENGENAI TANAH-TANAH MILIK YANG BAKI**  
**DARI DIAMBIL BALIK ATAU DISERAH BALIK KEPADA KERAJAAN**

Melalui Arahan ini semua Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian untuk tindakan yang sewajarnya akan kandungan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 6/1975 yang telah dikeluarkan pada bulan April, 1975, khasnya mengenai perenggan 3 bersabit dengan pengeluaran Hakmilik Sambungan selepas sebahagian daripada mana-mana lot tanah yang telah diambil balik dibawah Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960 atau diserahkan sebahagian daripadanya menurut seksyen 200 K.T.N.

2. Melalui Arahan ini sayugia diingatkan semua Pemungut Hasil Tanah bahawa Seksyen 25 Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960 yang dahulu telah dibatal dan diganti dengan seksyen 25(1) hingga 25(3) yang baharu bagaimana L.N. 477/1965. Oleh itu dalam menyediakan Rang Kertas M.M.K. untuk sesuatu pengambilan balik tanah, dalam pengesyuran Pemungut Hasil Tanah itu dinasihatkan supaya dimasukkan diantara lain-lain satu perenggan bagaimana berikut supaya selaras dengan kehendak seksyen 25(1) Akta yang tersebut diatas:-

“Bayaran upah ukur bagi hakmilik sambungan kepada baki lot-lot yang telah diambil naik itu tidak dikenakan oleh kerana pengukuran tanah-tanah ini adalah mengikut kehendak seksyen 25(1) Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960 (Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Bil.6/1975)”  
(Lihat contohnya dalam Lampiran ‘B’)

3. Dalam masa-masa yang lepas didapati kebanyakan Pemungut Hasil Tanah tidak mengambil tindakan menghantar permohonan ukur mengenai tanah-tanah miliki yang baki dati diambil balik atau diserahkan balik kepada Kerajaan. Yang demikian Hakmilik Sambungan tidak dapat dikeluarkan. Oleh itu Pemungut Hasil Tanah adalah diminta supaya mengambil langkah-langkah segera menghantar P.U. ke Pejabat Ukur sebaik-baik sahaja tindakan penyerahan atau pengambilan balik tanah itu selesai.
4. Sebagaimana yang diterangkan dalam Pekeliling yang diatas bayaran upah ukur mengenai kes yang semacam ini adalah percuma. Oleh itu Pemungut Hasil Tanah hendaklah mencatat diatas P.U. itu 'Upah Ukur : Percuma – Pekeliling Ketua PTG Bil. 6/75'
5. Bagi menyenangkan rjokan bersama-sama ini dikembarkan salinan Pekeliling Ketua PTG Bil. 6/1975 bagaimana dalam Lampiran 'A'.

(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Kelantan.

Kepada: Semua PHT. dan Penolong PHT Kelantan  
s.k. YB. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan  
YB. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan  
Semua Pegawai2 Jajahan Kelantan  
Juru Odit Negeri Kelantan.  
Pegawai Tadbir, L.K.T.N. Kelantan.  
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan  
Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN,KOTA BHARU.**

**PTG.KN. 70/60(142)**

**29hb.April, 1976.**